

TARIKH : 21 FEBUARI 2016

AKHBAR : METRO AHAD

M/S : 29

TAJUK : [PORT DICKSON]  
GATAL TANGAN!

MPPD terpaksa mengubah bahan binaan jambatan agar lebih kukuh serta sukar dirosakkan.

KEADAAN tempat riadah diconteng pengunjung di pesisiran Pantai Saujana, Port Dickson.

PERKATAAN di mercu tanda Pantai Cahaya dirosakkan.

## Gatal tangan!

■ Kemudahan awam di tempat tumpuan dirosakkan sehingga menyusahkan orang ramai

Oleh Khairul Najib Asarulah Khan am@hmetro.com.my Port Dickson

**M**engecewakan apabila kemudahan awam disediakan di beberapa kawasan daerah ini dirosakkan angkara kegiatan vandalisme sehingga menyusahkan orang ramai.

Tinjauan Metro Ahad di sekitar kawasan Taman Komuniti Awam, Pantai Tanjung Gemok, Pantai Bagan Pinang, Pantai Saujana, Pantai Cahaya dan Pantai Telok Kemang mendapati setiap kawasan berkenaan mempunyai unsur vandalisme.

Pelbagai peralatan rosak dan diconteng seperti permainan kanak-kanak, kerusi, pondok, lampu dan jambatan.

Pengunjung Amir Amsyar Baderi Sham, 25, berkata, setiap tahun lebih 10 kali dia datang ke daerah ini untuk memancing.

"Sememangnya keindahan dan kemudahan sentiasa dititik beratkan pihak berkuasa tempatan (PBT), namun mengecewakan apabila usaha mereka tidak dihargai sesetengah pengunjung gatal tangan merosakkan kemudahan awam itu.

"Saya sendiri pernah melihat sekumpulan remaja menconteng pondok terletak di pesisiran pantai namun disebabkan mereka berada dalam kumpulan membuatkan saya tidak berani menegur," katanya yang datang dari Tampin, Negeri Sembilan.

Pengunjung lain Abdul Wafi Abdullah, 32, berkata, dia mendapati kemudahan awam sentiasa bertambah baik dari semasa ke semasa di daerah ini.

"Kita lihat PBT iaitu Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) sememangnya memperuntukkan kos khas bagi menjaga dan menarik perhatian pengunjung di pantai peranganin di negeri ini.

"Tindakan mereka amat wajar, namun mengecewakan apabila terdapat pengunjung yang tidak menghairkan dengan melakukan kerosakan di kawasan terbabit.

"Dengan itu, tindakan tegas perlu dilaksanakan agar mereka takut perbuatan terbabit serta tidak mengulangnya lagi," katanya dari Kuala Lumpur, Selangor.

Seorang lagi pengunjung Haslina Ibrahim, 27, berkata, seeloknya MPPD mendirikan papan tanda menunjukkan kaedah pengunjung boleh menghantar maklumat dan gambar secara langsung apabila terserempak perbuatan vandalisme.

"Dengan itu, kemungkinan mereka ingin melakukan perbuatan itu-takut dan kita juga dapat terus memaklumkan dengan kadar segera kepada pihak berkaitan sebelum mereka menengakan tindakan terhadap pelakunya.

"Saya percaya dengan cara itu dapat membantu dalam mencegah aktiviti berkenaan," katanya.

**FAKTA**  
Pelbagai peralatan rosak dan diconteng seperti permainan kanak-kanak, kerusi, pondok, lampu, jambatan

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM